

# AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11.10.2013

M/S : 4

## Ganjaran pikan rakyat mohon kerja kerajaan

» Lebih dua juta daftar jawatan dalam perkhidmatan awam

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar  
bhizar@bh.com.my

• Melaka Tengah

Gaji, emolumen, kemudahan dan faedah yang lebih berbaloi ditawarkan dalam perkhidmatan awam menarik minat lebih ramai rakyat memohon bekerja dengan kerajaan.

Ita terbukti apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima lebih dua juta pendaftaran dan permohonan pelbagai jawatan sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, iaitu rekod tertinggi sejak SPA ditubuhkan 56 tahun lalu.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam, berkata peningkatan mendadak permohonan membuktikan kerjaya dalam perkhidmatan awam yang menawarkan pelbagai faedah dan kemudahan menarik mendapat tempat di kalangan rakyat.

"Sepanjang tahun lalu, kita hanya menerima kira-kira 1.2 juta permohonan, berbanding



Faktor lain SPA menerima permohonan lebih dua juta adalah menerusi pendekatan lebih terbuka, termasuk permohonan 24 jam secara online"

Mahmood Adam,  
Pengerusi SPA

lebih dua juta bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

"Faktor lain SPA menerima permohonan lebih dua juta adalah menerusi pendekatan lebih terbuka, termasuk permohonan 24 jam secara online, tempoh temu dua hingga malam dan pada hujung minggu," katanya.

Menurut skim perkhidmatan sekarang, kakitangan ke-

lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi Perkhidmatan dan Sokongan Kumpulan Pelaksana kumpulan N17, mendapat gaji minimum adalah RM927.03 dan maksimum RM3,089.69 dengan kenaikan tahunan RM95.

**Imbuhan tetap**  
Selain itu, mereka menikmati Imbuhan Tetap Khidmat Awam sebanyak RM115, Imbuhan Tetap Perumahan (RM180) dan Bantuan Sara Hidup atau COLA RM300 jika bertugas di Kuala Lumpur. Pendapatan bulanan mereka yang mula bekerja ialah RM1,522.03.

Untuk Diploma kumpulan N27 pula, gaji minimum ialah RM1,361.14 dan maksimum RM4,427.94 dengan kenaikan tahunan RM145. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (RM160), Imbuhan Tetap Perumahan (RM180) dan COLA RM300 untuk yang bertugas di Kuala Lumpur. Mereka yang baru bekerja boleh memperoleh RM2,001.14 sebulan.

Mahmood, berkata demikian selepas menghadiri Majlis Penutup Persidangan SPA Ke-16 yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun, di sini semalam.

Persidangan empat hari itu disertai 150 pegawai daripada SPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Kerajaan Negeri Melaka.

### INFO

#### Contoh jadual gaji minimum-maksimum Perkhidmatan dan Sokongan Kumpulan Pelaksana 2013

- ④ Kelulusan SPM N17 - RM927.03 – RM 3,089.69
- ④ Kenaikan tahunan - RM95
- ④ Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM115
- ④ Imbuhan Tetap Perumahan - RM180
- ④ Bantuan Sara Hidup (Cola) - RM300 (Kuala Lumpur)

- ④ Kelulusan Diploma N27 - RM1,361.14 – RM4,427.94
- ④ Kenaikan tahunan - RM145
- ④ Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM160
- ④ Imbuhan Tetap Perumahan - RM180
- ④ Bantuan Sara Hidup (Cola) - RM300 (Kuala Lumpur)

- ④ Kelulusan Ijazah N41 - RM1,910.02 – RM6,799.30
- ④ Kenaikan tahunan - RM225
- ④ Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM300
- ④ Imbuhan Tetap Perumahan - RM250
- ④ Bantuan Sara Hidup (Cola) - RM300 (Kuala Lumpur)

- ④ Kelulusan Sarjana (Pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun) N44 - RM3,362.91 – RM7,114.68
- ④ Kenaikan tahunan - RM250
- ④ Imbuhan Tetap Keraian - RM400
- ④ Imbuhan Tetap Perumahan - RM400
- ④ Bantuan Sara Hidup (Cola) - RM300 (Kuala Lumpur)

# AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11.10.2013

M/S : 18

## SPA boleh pilih calon terbaik

**Melaka:** Peningkatan mendadak jumlah pemohon jawatan diterima Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) tahun ini dijangka membolehkan suruhanjaya itu melahirkan kakitangan awam terbaik dalam melancarkan operasi harianya.

Pengerusinya Tan Sri Mahmood Adam berkata, lonjakan permohonan melebihi dua juta dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini turut memperlihatkan ketelusan dan keterbukaan SPA merakyatkan perkhidmatan awam.

"Jumlah permohonan yang besar itu lebih dua juta dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding 1.2 juta pemohon tahun lalu bukan satu masalah kepada SPA.

"Sebaliknya, ia situasi me-



MAHMOOD

nang-menang antara SPA dan rakyat kerana mereka dimaklumkan secara terbuka serta terperinci mengenai kekosongan sesuatu jawatan. "Ia membolehkan suruhanjaya ini memilih berdasarkan kelayakan berkhidmat," katanya pada sidang media selepas Majlis Penutup Persidangan SPA ke-16

disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu Anak Beilaun, di sini, semalam.

Mahmood berkata, peningkatan jumlah itu turut membuktikan kerjaya dalam perkhidmatan awam yang menawarkan pelbagai faedah dan kemudahan menarik bagi kakitangannya semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat.

"Saya percaya mereka memohon kerana yakin dengan sistem perkhidmatan awam Malaysia selain tawaran gaji, emolument, kemudahan dan faedah disediakan kerajaan lebih baik berbanding sektor swasta," katanya.

Beliau berkata, terdapat 80,000 kekosongan jawatan di bawah suruhanjaya itu dan pihaknya menyasarkan akan dapat dipenuhi menjelang hujung tahun ini.